



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ANALISIS PEMBOLEHUBAH DEMOGRAFI YANG BERKAITAN
DENGAN MINAT DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
DALAM MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP**

ABU BAKAR BIN MOHAMAD

FPP 1993 4

**ANALISIS PEMBOLEHUBAH DEMOGRAFI YANG BERKAITAN
DENGAN MINAT DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
DALAM MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP**

Oleh

ABU BAKAR BIN MOHAMAD

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Untuk Mendapatkan
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia**

1993



UNTUK

ALLAHYARHAM IBU DAN BAPA TERCINTA

SERTA

*MAK CIK, ADIK BERADIK DAN ANAK-ANAK
SAUDARA TERSAYANG*



PENGHARGAAN

Penulis melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. yang sentiasa memberikan hidayahNya sehingga penulis berjaya menyiapkan tesis ini.

Banyak pihak terlibat dalam membantu penulis menyempurnakan tesis dan penulis sangat terhutang budi terutama kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Dr. Ramlah bt Hamzah dan ahli-ahli jawatankuasa, Dr. Rohani bt Ahmad Tarmizi dan Dr. Mohd Ibrahim bin Nazri kerana dorongan, tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan sepanjang penyelenggaraan tesis ini. Minat, kesabaran dan dedikasi mereka amat penulis hargai. Kepada mereka, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga dan kepada Allah jua diserahkan untuk memberi ganjarannya.

Kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan yang memberikan peluang kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana 1990/91, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih. Begitu juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Johor kerana memberikan kebenaran penulis menjalankan kajian rintis dan kajian di sekolah-sekolah menengah di Negeri Johor Darul Takzim, penulis tidak lupa mengucapkan jutaan terima kasih.



Kepada Pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar tingkatan dua sekolah-sekolah menengah yang dipilih, penulis juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kerana kerjasama yang diberikan sangat memuaskan.

Kepada pensyarah-pensyarah di Unit Pendidikan Vokasional dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, rakan-rakan di Sekolah Menengah Lenga Muar dan sesiapa sahaja yang turut membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung, penulis ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih.

Akhir sekali, penulis ingin menyatakan bahawa penyempurnaan tesis ini hanya dapat dilakukan dengan adanya doa dan sokongan serta galakan yang berterusan daripada ibu tercinta, Rasipah bte Hj Mohamed (semasa hayatnya), adik beradik, mak saudara Zaleha bte Hj. Mohamed dan anak-anak saudara. Kepada mereka penulis mengabadikan tesis ini. Semoga Allah sentiasa melindungi dan memberkati kalian.



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiv
 BAB	
1	PENDAHULUAN
	Pengenalan
	Pernyataan Masalah
	Objektif Kajian
	Objektif Umum
	Objektif Khusus
	Hipotesis
	Kepentingan Kajian
	Batasan Kajian
	Definisi Operasional
	Pembolehubah Demografi
	Minat
	Pencapaian Akademik
	Pelajar Kemahiran Hidup
	Mata Pelajaran Kemahiran Hidup
II	SOROTAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS
	Minat dan kaitannya dengan
	Pencapaian Akademik
	Pembolehubah Demografi dan Kaitannya
	dengan Minat dan Pencapaian Akademik
III	METODOLOGI PENYELIDIKAN
	Kerangka Teoritis Kajian
	Rekabentuk Kajian
	Tempat Kajian
	Populasi dan Sampel
	Pembolehubah Sandar

	Halaman
Pembolehkan Bebas	37
Pembolehkan Demografi	37
Minat	37
Instrumentasi	37
Pembolehkan Demografi	38
Minat	38
Pencapaian Pelajar	39
Kesahan dan Kebolehpercayaan	
Instrumen Kajian	41
Soal Selidik	41
Bahan Ujian	42
Prosedur Mengumpul Data	43
Pemeriksaan Dan Penganalisisan Data	44
IV HASIL KAJIAN	46
Profil Subjek	46
Perbezaan Pencapaian Berdasarkan	
Pembolehkan Demografi	54
Perbezaan Pencapaian Berdasarkan	
Lokasi	55
Perbezaan Pencapaian Berdasarkan	
Jantina	56
Perbezaan Pencapaian Berdasarkan	
Ras	57
Perbezaan Pencapaian Berdasarkan	
Status Sosioekonomi	58
Perbezaan Minat Berdasarkan Pemboleh-	
ubah Demografi	60
Perbezaan Minat Berdasarkan Lokasi	61
Perbezaan Minat Berdasarkan Jantina	62
Perbezaan Minat Berdasarkan Ras	63
Perbezaan Minat Berdasarkan Status	
Sosioekonomi	64
Korelasi Minat dengan Pencapaian	66
Kaitan Pencapaian dengan Pembolehkan	
Demografi	67
Kaitan Pencapaian dan Lokasi	67
Kaitan Pencapaian dan Jantina	68
Kaitan Pencapaian dan Ras	69
Kaitan Pencapaian dan Status	
Sosioekonomi	70
Kaitan Minat dengan Pembolehkan	
Demografi	71
Kaitan Minat dan Lokasi	72
Kaitan Minat dan Jantina	73

	Halaman
Kaitan Minat dan Ras	74
Kaitan Minat dan Status Sosioekonomi	75
V RINGKASAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	77
Ringkasan	77
Masalah	77
Objektif	78
Kaedah	79
Keputusan	81
Korelasi Minat dengan Pencapaian	83
Kaitan Pencapaian dengan Pemboleh- ubah Demografi	83
Kaitan Minat dengan Pembolehubah Demografi	84
Perbincangan	84
Kesimpulan	90
Cadangan	92
BIBLIOGRAFI	95
LAMPIRAN	103
LATAR DIRI	134



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	47
2	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Ras Pelajar	47
3	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Adik Beradik	48
4	Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Kelas Pekerjaan Bapa/penjaga dan Ibu	49
5	Taburan Bilangan dan Peratus Subjek Mengikut Pendapatan Bapa/penjaga dan Ibu	50
6	Taburan Bilangan dan Peratus Ibu Bapa/ Penjaga Mengikut Tahap Pendidikan	51
7	Taburan Bilangan dan Peratus Subjek Mengikut Bidang Pilihan dan Cara Pemilihan	52
8	Taburan Bilangan dan Peratus Subjek Mengikut Bidang Pilihan Yang Diminati	53
9	Taburan Bilangan dan Peratus Ibu Bapa dan Pelajar Mengikut Kerja Sampingan di Rumah	54
10	Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Skor Pencapaian	55
11	Ujian-t Bagi Pencapaian berdasarkan Lokasi	55
12	Ujian-t Bagi Pencapaian berdasarkan Jantina	56
13	ANOVA Bagi Pencapaian berdasarkan Ras	57
14	Ujian Scheffe Bagi Pencapaian berdasarkan Ras	58
15	ANOVA Bagi Pencapaian Berdasarkan Status Sosioekonomi	59



Jadual		Halaman
16	Ujian Scheffe Bagi Pencapaian Berdasarkan Status Sosioekonomi	60
17	Taburan Bilangan dan Peratus Mengikut Skor Minat Pelajar	61
18	Ujian-t Bagi Minat berdasarkan Lokasi	62
19	ANOVA Bagi Minat berdasarkan Ras	63
20	Ujian Scheffe Bagi Minat berdasarkan Ras	64
21	ANOVA Bagi Minat berdasarkan Status Sosioekonomi	65
22	Ujian Scheffe Bagi Minat berdasarkan Status Sosioekonomi	65
23	Taburan Bilangan dan Peratus Pelajar Mengikut Peringkat Pencapaian	67
24	Jadual Silang Bagi Pencapaian dan Lokasi	68
25	Jadual Silang Bagi Pencapaian dan Jantina	69
26	Jadual Silang Bagi Pencapaian dan Ras	70
27	Jadual Silang Bagi Pencapaian dan Status Sosioekonomi	71
28	Taburan Bilangan dan Peratus Pelajar Mengikut Peringkat Skor Minat	72
29	Jadual Silang Bagi Minat dan Lokasi	73
30	Jadual Silang Bagi Minat dan Jantina	74
31	Jadual Silang Bagi Minat dan Ras	75
32	Jadual Silang Bagi Minat dan Kumpulan Status Sosioekonomi	76



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Perkaitan Pembolehubah-pembolehubah Berdasarkan Model Dunkin dan Biddle (1974)	33

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat keperluan ijazah Master Sains.

**ANALISIS PEMBOLEHUBAH DEMOGRAFI YANG BERKAITAN
DENGAN MINAT DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
DALAM MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP**

Oleh

ABU BAKAR BIN MOHAMAD

MEI 1993

Pengerusi : Ramlah bt Hamzah, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan kaitan antara minat dan pencapaian dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Di samping itu, kajian ini cuba menentukan hubungan di antara pembolehubah demografi seperti lokasi, jantina, ras dan status sosioekonomi dengan minat dan pencapaian. Kajian ini juga cuba menentukan sama ada wujud perbezaan dalam minat dan pencapaian mengikut klasifikasi demografi.

Empat ratus lima puluh pelajar telah dipilih secara rawak daripada sekolah menengah bandar dan luar bandar di negeri Johor. Dua jenis instrumen digunakan untuk kajian ini: soal selidik dan bahan ujian. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data berkaitan dengan pembolehubah demografi pelajar dan minat mereka terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup. Bahan ujian pula digunakan untuk mendapatkan skor



pencapaian pelajar. Data dianalisis menggunakan SPSS PC+. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan untuk menguji hipotesis.

Keputusan analisis menunjukkan terdapat kaitan yang sederhana dan signifikan di antara minat dan skor pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Pelajar yang mempunyai skor minat yang tinggi didapati mempunyai skor pencapaian yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan minat dan skor pencapaian pelajar dipengaruhi oleh ras, status sosioekonomi dan lokasi.

Keputusan kajian juga menunjukkan pencapaian dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup berbeza secara signifikan mengikut ras, status sosioekonomi dan lokasi sekolah. Pelajar sekolah menengah bandar menunjukkan pencapaian dan minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup berbanding dengan pelajar sekolah menengah luar bandar. Pelajar Melayu mempunyai skor minat dan pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar dari ras yang lain. Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam minat pelajar mengikut status sosioekonomi mereka. Tidak ada perbezaan yang signifikan di dalam minat dan pencapaian pelajar mengikut jantina.

Daripada kajian ini, dapat dicadangkan bahawa penjurusan pelajar kepada bidang pilihan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup harus dibuat berdasarkan minat mereka sendiri kerana minat itu boleh meningkatkan pencapaian mereka. Pelajar-pelajar di sekolah menengah luar bandar perlu diberikan bimbingan lebih dalam mata pelajaran

Kemahiran Hidup supaya skor pencapaian mereka boleh diperbaiki. Pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup perlu diteruskan hingga ke peringkat menengah atas supaya minat dan kebolehan pelajar dalam bidang vokasional akan terus meningkat dan dapat dipelihara.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia as partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**AN ANALYSIS OF DEMOGRAPHIC VARIABLES RELATING
TO INTEREST AND ACADEMIC ACHIEVEMENT OF
STUDENTS IN LIVING SKILLS**

By

ABU BAKAR BIN MOHAMAD

MAY 1993

Chairperson : Ramlah Bt Hamzah , Ph.D.

Faculty : Educational Studies

The main objective of this study is to determine the correlation between interest and achievement in Living Skills. In addition, this study seeks to determine the association between demographic variables such as location, sex, race, and socioeconomic status with interest and achievement. This study also attempts to determine the differences in achievement and interest according to demographic classifications of the subjects.

Four hundred and fifty students were randomly selected from rural and urban secondary schools in the state of Johore. Two instruments were developed for this study: a questionnaire and an achievement material. The questionnaire was developed to collect data on students' demographic variables and their interest towards Living Skills. The achievement material was developed to collect data on students' achievement scores. Data were analyzed by using SPSS PC+. Both descriptive and inferential statistics were used to test several hypotheses.



Results of the analysis showed that there was a moderate and significant correlation between students' interest and achievement scores in Living Skills. Students who have high interest in Living Skills tend to have higher achievement scores. From analysis of association, it was also found that students' interest and achievement scores are influenced by race, socioeconomic status and location.

The findings also showed that the achievement and interest of the students towards Living Skills differ significantly according to student's race, their socioeconomic status and the location of the school. Students from urban secondary schools have higher achievement and interest towards Living Skills than students from rural secondary schools. Malay students tend to have higher achievement and interest scores than students from other races. There were significant differences in student's interest according to socioeconomic status. Students with high socioeconomic status tend to have higher interest scores. There were no significant differences in students' interest and achievement scores according to sex.

In general, results of this study suggest that streaming students into electives should be based on their interest towards the area as this will increase their achievement towards the subject. Students in rural secondary schools should be given additional guidance in the subject of Living Skills so that their achievement scores could be improved. Teaching of Living Skills should be continued to upper secondary schools so that students' interest towards vocational subjects can be continuously nurtured.

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Perlaksanaan kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di negara ini merupakan usaha kerajaan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pendidikan berkualiti ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu, berakhlak dan terlatih dalam berbagai-bagai bidang yang dapat memenuhi aspirasi negara. Dari Laporan Pusat Perkembangan Kurikulum (1988), Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) didapati kurang menekankan nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran yang boleh melahirkan pelajar yang mahir dan berakhlak mulia.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah merupakan inovasi daripada perubahan dalam kurikulum di negara ini. Menurut Harris dan Martin (1975), inovasi adalah proses yang disengajakan manakala perubahan mengambil kira unsur-unsur yang tidak disengajakan. Inovasi diadakan untuk membaiki keadaan dan mengubah corak yang ada yang mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Dengan itu penggubalan Sukatan Pelajaran bagi sesuatu mata pelajaran adalah salah satu inovasi yang dilakukan.

Berdasarkan KBSM yang digubal itu, semua mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara turut digubal dan dilahirkan dalam bentuk yang baru sesuai dengan matlamat dan Falsafah Pendidikan Negara.



Nilai-nilai murni telah diutamakan dan diberikan penekanan dalam semua mata pelajaran (Wan Zahid Nordin, 1988). Mata pelajaran Kemahiran Hidup diajarkan untuk tempoh percubaan bermula pada tahun 1989 di sekolah-sekolah tertentu yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan dan pada tahun 1991 mata pelajaran ini diajarkan di semua sekolah menengah di Malaysia.

Pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup sepenuhnya pada tahun 1991 di tingkatan satu di semua sekolah menengah merupakan satu langkah penggantian mata pelajaran elektif yang diperkenalkan dalam Sistem Pelajaran Anika Jurusan pada tahun 1965. Menurut Kementerian Pendidikan mata pelajaran Kemahiran Hidup ini akan membolehkan pelajar-pelajar memberi tumpuan kepada tiga pilihan yang diwujudkan, iaitu Kemahiran Manipulatif Tambahan, Ekonomi Rumah-tangga dan Sains Pertanian.

Penjurusan pelajar Kemahiran Hidup kepada bidang pilihan sesetengahnya mengikut pentadbiran setiap sekolah, walaupun pihak Kementerian memberikan garis panduan tertentu dalam pemilihan itu. Hal ini ada dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran (Kementerian Pendidikan, 1984) yang antara lain menyatakan bahawa mata pelajaran elektif merupakan sebahagian daripada pendidikan umum dan tujuan mengadakan mata pelajaran ini adalah untuk memberi peluang sama rata kepada pelajar-pelajar bagi memilih satu bidang pelajaran pra vokasional mengikut kecenderungan, bakat dan minat masing-masing. Sekarang, mata pelajaran elektif ini telah digantikan dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup. Mata pelajaran Kemahiran Hidup dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu teras dan pilihan. Dalam

bahagian teras semua aspek kemahiran dan perdagangan dimasukkan manakala bidang pilihan pula terdiri daripada Sains Pertanian, Ekonomi Rumahtangga dan Kemahiran Manipulatif Tambahan.

Namun demikian, adalah didapati bahawa tujuan untuk mengadakan pilihan pra vokasional berdasarkan kecenderungan, bakat dan minat tidak tercapai sepenuhnya kerana tidak semua sekolah menawarkan kesemua pilihan. Walaupun kita sedar bahawa minat merupakan salah satu faktor penting dalam pembelajaran dan pekerjaan, tetapi dengan mengabaikannya, adalah dipercayai amat sukar bagi kita menjalani proses tersebut. Ini kerana minat merupakan ciri penting bagi kecenderungan dan apabila kecenderungan telah diperolehi seseorang itu akan terus belajar semata-mata kerana minat dan bukan kerana terpaksa (White, 1967).

Di samping itu menurut Tomkins (1962), minat ialah emosi yang dapat memberikan bantuan kepada seseorang untuk menuju ke arah melaksanakan sesuatu aktiviti yang berfaedah. Oleh itu minat terhadap sesuatu mata pelajaran itu akan membawa kepada hasil yang berfaedah yang akan diperolehi oleh pelajar-pelajar. Hasil yang dimaksudkan disini ialah pencapaian yang baik dalam sesuatu mata pelajaran itu. Daripada pengalaman penyelidik yang lalu didapati minat memanglah merupakan unsur penting dalam diri pelajar untuk membolehkan pelajar itu memikirkan mata pelajaran yang akan diikutinya. Tanpa minat terhadap mata pelajaran itu adalah dipercayai pembelajaran menjadi kurang berkesan dan ini sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pencapaian.

Penyataan Masalah

Mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan mata pelajaran yang diperkenalkan dalam KBSM bagi menggantikan mata pelajaran elektif yang dimulakan sejak tahun 1965. Dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran ini tugas guru semakin mencabar. Di samping itu pelajar-pelajar juga terpaksa mempelajari kesemua bidang dalam bahagian teras dan satu daripada tiga pilihan yang disediakan yang dahulunya hanya dipelajari sebahagian sahaja. Oleh itu memandangkan berbilang pilihan telah diwujudkan, maka sewajarnya penentuan penjurusan pelajar kepada pilihan yang wujud diberi perhatian.

Peluang bagi pelajar-pelajar membuat pilihan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu iaitu pilihan Kemahiran Manipulatif Tambahan, Sains Pertanian dan Ekonomi Rumahtangga berdasarkan minat dan kecenderungan mereka tidak diberi perhatian. Penjurusan pelajar kepada pilihan elektif yang tertentu bukanlah berdasarkan minat mereka seperti yang sepatutnya tetapi berdasarkan pencapaian akademik mereka (Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Sharifah Md. Nor, 1990). Ramlah Hamzah (1990) pula mendapati kebanyakan sekolah menempatkan murid-murid yang lemah pencapaian akademiknya dalam bidang pertanian. Selain daripada itu mengikut pengalaman penulis penjurusan pelajar ke pilihan elektif tertentu juga dibuat oleh guru berdasarkan susunan nama mengikut abjad dan pencapaian akademik di sekolah rendah dan tidak mengambil kira minat dan keadaan keluarga pelajar. Adalah jarang didapati sesebuah sekolah itu menggabungkan faktor-faktor pemilihan itu misalnya pemilihan berdasarkan minat dan keadaan keluarga atau minat dan pencapaian akademik dan sebagainya.

Perlu diingat bahawa minat memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di samping ciri-ciri pelajar dan keluarga mereka. Tanpa minat yang mendalam terhadap bidang yang diikuti oleh pelajar di peringkat menengah rendah, selepas tamat tingkatan tiga mereka mungkin tidak akan mengikuti bidang itu di tingkatan empat walaupun diberi peluang untuk berbuat demikian. Keadaan seumpama ini mungkin akan mengganggu rancangan kerajaan ke arah meningkatkan daya pengeluaran negara melalui penglibatan rakyat yang mahir, secara aktif dan produktif serta mengurangkan pembentukan pelbagai tenaga kerja yang kenal faham teknologi dan ekonomi moden.

Satu kajian yang dijalankan oleh Sjoberg (1983) ke atas komponen minat terhadap lapan mata pelajaran sekolah menengah mendapati bahawa prestasi akademik dan minat terhadap sesuatu mata pelajaran mempunyai hubungan kaitan yang kuat. Oleh itu, memandangkan pentingnya minat dalam sesuatu mata pelajaran ke arah peningkatan pencapaian akademik, satu kajian perlu dilakukan bagi menentukan minat terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup dan pencapaian akademik pelajar-pelajar dalam mata pelajaran tersebut mempunyai kaitan. Selain itu kajian yang dijalankan juga meneroka sama ada pembolehubah demografi iaitu lokasi, jantina, ras dan status sosioekonomi pelajar mempunyai perbezaan dan kaitan dengan minat dan pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

Objektif Umum

Objektif umum kajian ini ialah untuk menentukan kaitan di antara pencapaian dan minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian ini juga akan menentukan sama ada wujud perbezaan pencapaian serta minat bagi pelajar-pelajar berbeza lokasi, jantina, ras dan status sosioekonomi. Selain itu, kaitan pencapaian serta minat dengan pemboleh-ubah demografi iaitu lokasi, ras, jantina dan status sosioekonomi juga akan diselidiki.

Objektif Khusus

1. Untuk menentukan sama ada wujudnya perbezaan pencapaian dari segi pembolehubah demografi iaitu lokasi, jantina, ras dan status sosioekonomi di kalangan pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
2. Untuk menentukan sama ada wujudnya perbezaan minat dari segi pembolehubah demografi iaitu lokasi, jantina, ras dan status sosioekonomi di kalangan pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
3. Untuk mengenal pasti korelasi di antara pencapaian dan minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

4. Untuk menentukan kaitan di antara pembolehubah demografi iaitu lokasi, jantina, ras dan status sosioekonomi pelajar dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
5. Untuk menentukan kaitan di antara pembolehubah demografi iaitu lokasi, jantina, ras dan status sosioekonomi dengan minat mereka dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Hipotesis

Hipotesis kajian ini dibentuk berdasarkan objektif kajiannya. Hipotesis-hipotesis penyelidikan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Terdapat perbezaan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup berdasarkan:
 - a) Lokasi sekolah;
 - b) Jantina;
 - c) Ras;
 - d) Status sosioekonomi.
2. Terdapat perbezaan minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran hidup berdasarkan:
 - a) Lokasi sekolah;
 - b) Jantina;
 - c) Ras;
 - d) Status sosioekonomi.

3. Terdapat korelasi di antara pencapaian pelajar dengan minat mereka dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
4. Terdapat kaitan di antara pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dengan:
 - a) Lokasi sekolah;
 - b) Jantina;
 - c) Ras;
 - d) Status sosioekonomi.
5. Terdapat kaitan di antara minat pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dengan:
 - a) Lokasi sekolah;
 - b) Jantina;
 - c) Ras;
 - d) Status sosioekonomi.

Kepentingan Kajian

Untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan berkesan penentuan minat seseorang pelajar untuk mengikuti mata pelajaran tertentu perlu dikenalpasti. Disebabkan adanya peningkatan bilangan pelajar dari setahun ke setahun dan dasar kerajaan yang memperkenalkan KBSM maka adalah dirasakan bahawa penentuan minat ini menjadi semakin penting. Kegagalan mengenalpasti minat seseorang pelajar terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup ini bukan sahaja akan menggagalkan proses pengajaran dan pembelajaran

tetapi menggagalkan usaha pendidikan ke arah perkembangan kemahiran manipulatif untuk penanaman semangat keusahawanan serta daya mereka-cipta di kalangan pelajar. Ia juga akan menggagalkan usaha-usaha kerajaan untuk menyediakan tenaga kerja yang berpengetahuan dan mahir dalam pelbagai bidang bagi menampung keperluan negara yang mula menuju ke arah perindustrian.

Tanpa minat kepada mata pelajaran kemahiran hidup akan menggagalkan usaha pemupukan semangat yang positif terhadap kerja dan tidak dapat melahirkan pelajar yang bersikap inovatif dan berdikari dalam melaksanakan urusan harian mereka. Ia juga akan menggagalkan usaha menggalakkan pelajar menggunakan daya inisiatif dan peluang yang ada dengan cara yang bijaksana.

Oleh itu dengan adanya kajian ini adalah diharapkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup akan dapat dipupuk sejak awal lagi supaya bertambah kukuh dan berprestasi baik.

Batasan Kajian

Pelajar yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup ialah pelajar-pelajar yang berada di tingkatan satu hingga tiga di sekolah-sekolah menengah di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Memandangkan pelajar-pelajar tingkatan satu baru sahaja memasuki alam sekolah menengah maka adalah dijangkakan minat dan prestasi akademik mereka dalam mata pelajaran ini masih belum mantap, dan dengan itu mereka tidak diambil sebagai subjek kajian. Pelajar-pelajar tingkatan tiga pula tidak diambil sebagai subjek kajian kerana mereka berada dalam